

16/06/1998

Petak letak bas ke KLIA ditambah

MELAKA, Isnin - Kementerian Pengangkutan akan menggantikan petak meletak kereta di Nilai dengan petak meletakkan bas berikutan tidak cukup ruang untuk menampung bas yang menyediakan perkhidmatan ke Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang.

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Mohd Ali Mohd Rustam, berkata ujian lalu lintas yang dilakukan oleh kementerian dengan kerjasama Kementerian Pembangunan Usahawan baru-baru ini mendapati, lebih banyak petak bas diperlukan untuk mengambil penumpang ke KLIA.

Katanya, setakat ini, kementerian masih melakukan ujian itu bagi memastikan perjalanan ke KLIA berjalan lancar sebelum ia dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 27 Jun ini.

Beliau berkata, secara purata, masa yang digunakan untuk tiba ke KLIA dari stesen komuter di Kuala Lumpur hingga ke KLIA ialah satu jam 20 minit.

"Masa yang diambil dari Kuala Lumpur hingga ke Nilai ialah 40 minit manakala dari Nilai ke KLIA pula ialah 30 minit.

"Tempoh transit dengan bas di Nilai pula ialah 10 minit, jadi jika diambil secara keseluruhan, masa untuk penumpang sampai dari Kuala Lumpur ke KLIA ialah 80 minit," katanya selepas merasmikan balai raya dan rumah peserta Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), Kampung Pengkalan Batu, Bukit Sebukor.

(END)